

06 AUG 1996

Pilihan raya (Fokus Berita)

LAWATAN PM JAWAB TEKA-TEKI PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK?

KUCHING, 6 Ogos (Bernama) -- Adakah teka-teki mengenai tarikh pilihan raya negeri Sarawak akan terjawab apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan rasmi dua hari ke negeri ini bermula Rabu ini?

Di kalangan pemerhati politik di sini, lawatan Perdana Menteri dijangka dapat memberi jawapan jelas kepada isu yang menjadi perbualan hangat kini di kalangan orang ramai dan sekaligus menamatkan spekulasi sebelum ini bahawa pilihan raya diadakan Julai lepas.

Baru-baru ini, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, beliau akan merujuk kepada Perdana Menteri yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) pusat untuk mengenalpasti tarikh sesuai bagi pembubaran Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk memberi laluan kepada pilihan raya negeri diadakan.

Lawatan rasminya yang kedua tahun ini, Perdana Menteri dijadualkan tiba di Sibujaya pada 7 Ogos untuk melancarkan Tabung Amanah Bakun dan ke Mukah keesokannya untuk melancarkan program Gerak Mesra dan ke Kuching pada sebelah petang untuk membuka kilang Komag USA (Malaysia) Sdn Bhd di Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya.

Mengikut jadual lawatannya, Dr Mahathir akan tiba lewat petang di Sibujaya dan pada malamnya menghadiri jamuan makan malam BN di Dewan Suarajaya Sibujaya. PM dijangka pulang pada pagi 9 Ogos.

Pada majlis makan malam itu, Perdana Menteri akan melancarkan Tabung Amanah Bakun bernilai RM10 juta untuk tujuan latihan dan pendidikan kepada 9,428 penduduk yang terlibat dengan Projek Hidroelektrik Bakun bernilai RM13.6 bilion.

Dijangkakan isu pilihan raya negeri akan menjadi dominan dalam lawatannya kali ini kerana Taib selaku Pengerusi BN Sarawak mesti membubarkan Dewan Undangan Negeri dalam tempoh kira-kira empat bulan lagi.

Selepas 28 November, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) boleh menetapkan pilihan raya itu.

Dari segi persiapan, semua parti komponen BN -- Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (Supp), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Rakyat Sarawak (Snap) -- dilaporkan sudah bersedia.

Parti-parti berkenaan juga dikatakan telah selesai menyediakan senarai calon yang akan bertanding dan telah menyerahkannya kepada Taib untuk diputuskan.

Tidak ada isu besar yang menjadi halangan antara parti-parti komponen BN kecuali isu pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri baru kerana setakat ini satu-satunya parti pembangkang di sini, Parti Tindakan Demokratik (DAP) masih ketandusan modal.

Isu pembahagian kerusi baru Semariang (Kuching), Kedup (Serian), Nangka (Sibu), Jepak (Bintulu), Senadin (Miri) dan Ba'Kelalan (Limbang) yang dianggap sebagai "duri dalam daging" di kalangan parti-parti komponen BN hampir selesai sepenuhnya.

Walaupun setakat ini hanya tiga kerusi diketahui kedudukannya iaitu Semariang dan Jepak yang diperuntukkan kepada PBB manakala Senadin kepada Supp keadaan masih lagi samar-samar untuk kerusi selebihnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pengagihan Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Adenan Satem berkata, setiap parti komponen akan diberi hak untuk memilih calon untuk sekurang-kurangnya satu kerusi tambahan.

Pemerhati politik menjangka parti-parti komponen BN tidak akan

menghadapi masalah besar dalam proses pengagihan kerusi dengan PBB sebagai parti terbesar dijangka mendapat tiga kerusi dan selebihnya akan diperuntukkan kepada parti-parti komponen lain.

Pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri 1991, PBB memenangi 27 kerusi, Supp (16 kerusi), Snap (enam kerusi) dan PBDS yang waktu itu menjadi pembangkang di peringkat negeri, memenangi tujuh kerusi.

Adalah menjadi tradisi BN merujuk kepada Pengerusi BN Pusat untuk mendapatkan nasihat dan pandangan sebelum melakukan sebarang keputusan dan tindakan.

Taib dijangka mengambil kesempatan daripada lawatan rasmi dua hari Dr Mahathir untuk memaklumkan mengenai persediaan terakhir jentera pilihan raya negeri di samping menyerahkan senarai calon yang dicadangkan untuk bertanding.

Kemungkinan jawapan kepada teka-teki berkenaan akan diperolehi sebaik sahaja Taib berbuat demikian. -- BERNAMA

RDY OBA